

Belanjawan berasaskan prestasi langkah penting untuk Malaysia

BH 20/12/18

Ketika pemimpin politik di seluruh dunia berusaha untuk menunjukkan bagaimana perbelanjaan awam menyumbang kepada keputusan konkrit seperti perkhidmatan awam yang lebih baik, 'belanjawan berasaskan prestasi' adalah langkah penting untuk masa depan yang lebih baik untuk Malaysia dan negara lain, kata Bank Dunia.

Walaupun proses belanjawan boleh menjadi perundingan rumit dalam kalangan kepentingan yang bersaing, belanjawan berasaskan prestasi berusaha untuk menjadi pendekatan



Kerajaan memerlukan cara baharu untuk berkomunikasi

usaha mereka sama sekali, negara boleh menyesuaikan belanjawan berasaskan prestasi kepada keadaan baru dan pemahaman yang lebih segar mengenai keupayaan pentadbiran dan keutamaan dasar mereka," tambahnya.

Myers berkata, laporan Bank Dunia 2018 mengenai 'Belanjawan Untuk Prestasi di Malaysia' menonjolkan beberapa tindakan yang boleh dipertimbangkan pembuat dasar untuk membina asas yang lebih baik untuk menghubungkan belanjawan dengan prestasi dan memberi respons kepada permintaan rakyat

yang lebih rasional, yang menghubungkan peruntukan kepada sasaran dan hasil yang dipersetujui.

Selepas beberapa tahun merancang dan melaksanakan pembaharuan belanjawan berasaskan prestasi, pengalaman Malaysia terbukti bercampur-campur, kata Pakar Pengurusan Sektor Awam Kanan Bank Dunia, Bernard Myers, dalam artikelnya, 'Pengajaran Dari Malaysia: Menghubungkan Perbelanjaan Kerajaan Kepada Prestasi.'

Sukar dilihat

"Di satu pihak, ia telah membantu mengintegrasikan proses perancangan dan perundingan nasional di bawah kerangka kerja yang seragam. Namun, kesan ketara terhadap penyampaian perkhidmatan di negara ini sukar dilihat," katanya.

Sebagai contoh, Myers berkata, Kementerian Kewangan sejak 2017 meminta kementerian-kementerian untuk menghubungkan belanjawan kepada hasil strategik negara peringkat tinggi yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ke-11

di mana wang akan diberikan, untuk tujuan apa dan apa yang diharapkan untuk dicapai"

Bernard Myers,

Pakar Pengurusan Sektor Awam Kanan Bank Dunia

belanjawan spesifik dengan menggunakan rangka kerja keputusan bersepadu.

"Oleh itu, kakitangan awam memerlukan cara-cara untuk mengetahui program mana yang berfungsi dan yang mana tidak, dan memperuntukkan dana kepada mereka yang wajar mendapat sokongan.

"Lebih-lebih lagi, kerajaan memerlukan cara baharu untuk berkomunikasi di mana wang akan diberikan, untuk tujuan apa dan apa yang diharapkan untuk dicapai. Ini menjadi lebih penting apabila terdapat perubahan dalam arah politik dan keutamaan dasar," katanya.

Myers berkata, walaupun belanjawan berasaskan prestasi di banyak negara mempunyai bara-

kepada permintaan rakyat.

Laporan tepat

Sebahagian daripada tindakan ini termasuk menggalakkan laporan yang kena pada masanya dan tepat mengenai prestasi oleh kementerian apabila dan di mana ia paling relevan, membangunkan keupayaan teknikal untuk menilai maklumat prestasi dan membentangkannya dengan cara yang berguna untuk membuat keputusan di peringkat senior, sambil merangsang permintaan untuk maklumat prestasi dengan menghubungkannya dengan individu serta pengiktirafan institusi dan sistem ganjaran.

Menurut Myers, di Malaysia, beberapa langkah pertama untuk meningkatkan belanjawan berasaskan prestasi telah diambil dengan Pejabat Belanjawan Negara mengadakan perbincangan meja bulat dengan kementerian, badan pemikir, institusi akademik dan pakar antarabangsa pada Ogos.

Beliau berkata, walaupun satu mesyuarat tidak mencukupi untuk menyetujui arah baharu, neserta bersetuju bahawa

cangan Malaysia ke-11.

“Pendekatan ini adalah langkah evolusi dalam pelaksanaan belanjawan berasaskan prestasi dan satu contoh bagaimana sebuah negara berjaya menghubungkan strategi nasional peringkat tinggi ke program dan aktiviti

negara mempunyai harapan yang terlalu tinggi dan sebagai hasilnya sukar untuk ditadbir, ia tidak semestinya berlaku.

“Terdapat pengajaran yang mendalam daripada pengalaman global yang dapat dijadikan teladan. Daripada mengetepikan

peserta bersetuju bahawa peningkatan kualiti perbelanjaan haruslah menjadi keutamaan dan dengan bekerjasama, ia mungkin dapat membangunkan budaya yang lebih berorientasikan prestasi untuk belanjawan negara.

BERNAMA